

RM1.4 juta bina jalan baharu ke rumah speaker

Free Malaysia Today

March 29, 2017

By Nawar Firdaws

Kos melibatkan pembinaan jalan 100m, saliran, utiliti, pagar elektronik, sistem keselamatan dan struktur reka bentuk pada laluan masuk

KUALA LUMPUR: Kos keseluruhan pembinaan jalan alternatif ke kediaman rasmi Speaker Dewan Rakyat mencecah RM1.4 juta, kata kerajaan hari ini.

Dalam jawapan bertulis 23 Mac, kementerian kerja raya berkata projek melibatkan pembinaan jalan 100m, saliran, utiliti, pagar elektronik, sistem keselamatan dan struktur reka bentuk pada laluan masuk.

Projek bermula 21 Mac tahun lepas dan dijangka siap dalam tempoh 12 bulan pada 20 Mac tahun ini.

Bagaimanapun, disebabkan kelewatan dalam kerja-kerja turapan konkrit, projek terpaksa dijadualkan semula.

Pada masa ini, projek tersebut 72% siap berbanding 92% yang dijadualkan, menurut kementerian, menjawab soalan Ong Kian Ming (DAP-Serdang) yang menanyakan berapa banyak dibelanjakan untuk projek itu.

Speaker Dewan Rakyat ketika ini Tan Sri Pandikar Amin Mulia.

Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2017/03/29/rm1-4-juta-bina-jalan-baharu-ke-rumah-speaker/>